

Dalam rangka lawatan ke Chicago pada 2 April 2011, Naib Canselor telah mengadakan perbincangan dengan Kellogg School of Management iaitu salah sebuah sekolah pengurusan tersohor di Amerika Syarikat.

Naib Canselor dan delegasi disambut oleh Executive Director, Prof Paul D Christensen yang juga merupakan Associate Dean sekolah pengurusan berkenaan.

Dalam perbincangan tersebut, Naib Canselor telah mencadangkan beberapa program kerjasama di antara UUM dengan Kellogg, khususnya dengan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, UUM (OYA-GSB).

Dr Mohamed Mustafa berkata, pihaknya sangat gembira dengan perbincangan ini kerana Kellogg bersedia untuk memulakan kerjasama dengan UUM, menerusi OYA-GSB mengikut model kerjasama Kellogg-Sasin Graduate Institute of Business, Thailand.

"Ini secara tidak langsung mampu memberikan pengiktirafan kepada OYA-GSB sebagai salah sebuah sekolah perniagaan terkemuka di Asia Tenggara. UUM juga dimaklumkan bahawa kita menjadi IPT pertama di Malaysia yang menjalin kerjasama dengan Kellogg School of Management," katanya.

Sementara itu, dalam lawatan ke MUCIA di East Lansing, Michigan pada 4 April 2011, Naib Canselor telah disambut oleh Prof Phil Smith, Presiden dan Pengarah Eksekutif MUCIA dengan disertai oleh pegawai-pegawai MUCIA dan ahli-ahli akademik dari Michigan State University (MSU).

MUCIA adalah merupakan sebuah konsortium yang terdiri daripada tiga buah universiti penyelidikan terkemuka Amerika Syarikat iaitu Ohio State University (OSU), University of Minnesota (UOM) dan Michigan State University (MSU).

MUCIA juga merupakan agensi yang sering dirujuk dan menjadi "gatekeeper" kepada Big Ten Universities iaitu 10 universiti terkemuka di wilayah Mid-West Amerika Syarikat.

Hasil rundingan tersebut, UUM telah menandatangani MOU dengan pihak MUCIA bagi membolehkan program kerjasama akademik seperti memudahkan proses penghantaran staf mengikuti program peringkat Master dan PhD, UUM-MUCIA Joint Degree Program, Program Mobiliti Pelajar dan sebagainya dijalankan dengan semua rakan kongsi MUCIA di Mid West, Amerika Syarikat.

Menurutnya, dengan kerjasama ini, UUM membuka peluang kepada warga UUM sama ada staf mahupun pelajar untuk menyambung pelajaran di universiti-universiti terkemuka di Amerika Syarikat melalui jalinan kerjasama dengan pihak MUCIA".

Sementara itu, Presiden MUCIA, Prof Phil Smith juga percaya UUM dapat menjadi rakan kongsi strategik yang dapat membina rangkaian dan kerjasama pengajian tinggi yang lebih bermakna di antara Malaysia dan Amerika Syarikat.